

Pengemaskinian Borang Permohonan Perdagangan

Berkuatkuasa **1 November 2023**, perubahan berikut akan dilaksanakan :

- (A) Borang E-Perdagangan Konvensional (dalam format PDF) akan dimansuhkan.
- (B) Borang permohonan pembiayaan Perdagangan Konvensional dan Islam (contohnya Borang Permohonan Pembiayaan Invois) akan dipinda untuk menawarkan dua (2) pilihan bagi penyaluran dana pembiayaan sebagai bayaran kepada pembekal:
 - Pembayaran Elektronik, atau
 - *Cashier's order* (untuk pembayaran tempatan)
- (C) Untuk mematuhi amalan yang disyorkan di kalangan industri untuk mendapatkan persetujuan pelanggan untuk berkongsi butiran dengan penyedia perkhidmatan seperti PayNet dengan tujuan berkongsi, memproses, menyimpan atau mengarkibkan, antara lain data untuk mengesahkan/mengenal pasti kesahihan data transaksi yang dikemukakan, borang aplikasi yang berkenaan telah dikemaskinikan. Untuk memudahkan pelaksanaan, dengan menghantar borang pembiayaan perdagangan yang telah dikemaskinikan, pelanggan dianggap bersetuju untuk berbuat (membuat) demikian. Borang pembiayaan perdagangan yang berikut telah dikemaskinikan untuk tujuan ini:
 - Pembiayaan Invois / Pembiayaan Invois-i
 - Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing
 - Penerimaan Jurubank/Penerimaan Jurubank-i
 - Akaun Pembiayaan Hutang
 - Pembiayaan Semula Kredit Export (ECR)

Nota:

- A. Pemansuhan borang E-Perdagangan (dalam format PDF) atau borang perdagangan pintar dibuat kerana semakin ramai pelanggan memilih untuk menghantarkan permohonan perdagangan secara dalam talian melalui OCBC *Velocity, platform korporat perbankan dalam talian kami*. Sebagai alternatif kepada permohonan melalui OCBC *Velocity*, pelanggan juga boleh melengkapkan borang permohonan perdagangan yang terdapat di laman web kami dan mengemukakannya ke cawangan OCBC yang ditetapkan.
- B. Dengan memilih 'Pembayaran Elektronik', Bank akan menggunakan kaedah pembayaran elektronik yang paling sesuai di antara perkhidmatan yang tersedia untuk membuat pembayaran. Secara umum, DuitNow dan Pemindahan Telegrafik (TT) akan diutamakan sebagai pembayaran tempatan dan matawang asing masing-masing; walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan DuitNow tergendala, pihak Bank boleh memilih untuk menggunakan kaedah pembayaran lain seperti GIRO atau RENTAS. Dengan DuitNow, pelanggan boleh menikmati pemindahan dana dalam masa nyata sebagai cara pembayaran alternatif yang berkos efektif. Perubahan yang sama sedang dibuat kepada aplikasi OCBC *Velocity*. Sementara aplikasi kami dinaiktaraf, pelanggan boleh mengisi "DuitNow" di ruang "*Any Other Instructions (If Applicable)*" untuk membolehkan pihak Bank menyalurkan dana dengan menggunakan DuitNow.
- C. Pihak Bank akan mengambil bahagian dalam inisiatif di kalangan industri perbankan untuk mengurangkan penipuan dan isu pembiayaan invois berulang dengan menyemak butiran invois sebelum memproses aplikasi pembiayaan perdagangan. Dengan mengemukakan borang

permohonan pembiayaan yang telah dikemaskini, pelanggan memberikan keizinan secara nyata untuk berkongsi maklumat pembiayaan dengan penyedia perkhidmatan untuk menyokong inisiatif ini.

Semua pelanggan didorong untuk menggunakan borang pembiayaan perdagangan yang telah dikemaskini di [Help and Support | OCBC Business Banking Malaysia](#) mulai 1 November 2023 dengan segera. Borang lama yang dihantar kepada Bank selepas 31 December 2023 akan ditolak.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-

OCBC Trade Action Line melalui 1300 88 7000. (Tekan pilihan 0 dan pilih nombor 3 untuk pembiayaan perdagangan)

Sekian, terima kasih

Global Trade Finance

OCBC Bank (Malaysia) Berhad

OCBC Al-Amin Bank Berhad